

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Jawatan Kosong

1. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia keutamaan kepada anak kelahiran Negeri Sembilan yang berkeelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

Bil.	Nama Jawatan	Gred	Taraf Jawatan	Kumpulan Perkhidmatan	Klasifikasi Perkhidmatan	Jadual Gaji (Min. – Mak.)
1.	Pembantu Tadbir (P/O) (11 kekosongan)	N19	Kontrak	Pelaksana	Pentadbiran Dan Sokongan	RM1,352.00 RM4,003.00

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
3. Syarat-Syarat Lantikan :

Jawatan 1

PEMBANTU TADBIR (PEKERANIAN/OPERASI) GRED N19

SYARAT LANTIKAN 1. (a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat lulus dalam empat (4) mata pelajaran dan mendapat **Kepujian** dalam dua (2) mata pelajaran termasuk subjek Bahasa Melayu.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00);
atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40);
atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

**SYARAT
KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT
PENINGKATAN
SECARA
LANTIKAN**

- 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.


4. Cara Memohon :

- a. **Permohonan untuk jawatan di dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban** boleh dimuat turun selepas melengkapkan Borang Maklumat Pendaftaran di para enam (6) dan satu (1) borang adalah terhad untuk satu (1) jawatan sahaja.
- b. Borang **permohonan untuk jawatan di dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban** dan maklumat yang telah lengkap diisi perlu dihantar terus ke **Jabatan Khidmat Pengurusan** beserta **salinan maklumat-maklumat yang DIAKUI SAH oleh Pegawai Kerajaan daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional seperti berikut:-**
 - i. Salinan kad pengenalan/MyKad;
(*telah dipalang 'untuk kegunaan MBS sahaja'*)
 - ii. Salinan Sijil Kelahiran;
 - iii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah;
 - iv. Salinan sijil-sijil persekolahan/akademik;
(contoh: RP/PMR/PT3/SPM/SVM/STP/STPM/STAM/Dip./Ijazah)
 - v. Salinan Transkrip bagi sijil yang berkenaan;
 - vi. **Sijil selain daripada sijil akademik tidak perlu disertakan (contoh: sijil kokurikulum, penghargaan, penyertaan, dll); dan**
 - vii. Gambar berukuran passport.
- c. Permohonan seperti berikut akan **ditolak**:
 - i. Dokumen di para (b) (i – v & vii) tidak disertakan;
 - ii. Borang dan maklumat tidak lengkap atau tidak jelas;
 - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
 - iv. **Tidak melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat.**
- d. Tarikh akhir tutup dan penghantaran borang **permohonan untuk jawatan di dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban** adalah pada **15 Februari 2023 jam 5.00 petang. Sebarang penghantaran borang selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.**

5. **Catatan Am (PENTING – SILA AMBIL PERHATIAN)**

- i. Sebarang tuntutan perbelanjaan kerana menghadiri temu duga kelak tidak akan ditanggung oleh Majlis Bandaraya Seremban; dan
 - ii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam **(6) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
6. Semua pemohon **WAJIB** mengambil dan menyediakan tindakan seperti berikut:-
- a. Melengkapkan Borang Maklumat Pendaftaran dengan mengimbas **QR Code** yang disediakan.
 - b. **Memuat turun dan mencetak borang permohonan** untuk jawatan di dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban dan dihantar ke Jabatan Khidmat Pengurusan seperti keterangan di **para 4 (d)**.

Bil	Jawatan	QR Code
1.	Pembantu Tadbir (P/O)	


(DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Seremban.